

- Menggunakan setinggi untuk diasapkan di setiap pusat rawatan sebelum memulakan perniagaan urut refleksi di samping itu memberi salam kepada Rasulullah S.A.W., Nabi Khaidir dan Azhar sendiri. Amalan ini dilakukan setiap hari sebelum memulakan perniagaan atau membuka perniagaan.

### Dari Segi Syariat

Mana-mana ahli yang didapati bersalah dan jika dapat dikesan oleh Azhar, maka ahli berkenaan akan dikenakan 'dam' sama ada dalam bentuk wang atau harta benda;

**Solat waktu sentiasa dijamakkan** walaupun bukan dalam musafir;

Apa sahaja yang dibawa oleh Azhar bin Wahab adalah benar belaka dan **tidak boleh dipertikaikan segala keputusan dan arahnya**;

### Dari Segi Akhlak

Memulakan ucapan dengan bersumpah memegang **al-Quran**. Ini dilakukan oleh Azhar bin Wahab dan pengikut kanannya Hj. Ilias bin Hj. Yusuf ( di majlis pertemuan dengan Ketua Pengarah JAKIM pada 15 November 2002 lalu);

Mendakwa **boleh memberi 'barakah' dan 'syafa'at'** kepada anak muridnya;

Mendakwa **ada keberkatan kerana boleh menarik duit para pelanggan** dan mereka akan mengeluarkan wang sebanyak mana yang mereka ada;

Memberitahu pengikutnya bahawa dirinya boleh dilihat manusia sebagai berpakaian biasa tetapi sebenarnya beliau berjubah serba putih, berserban, bermisai dan berjanggut seperti wali Allah;

Mendakwa **boleh ke mana-mana dengan serta merta** termasuk ke China dan Makkah;

**Mengugut ahli** agar jangan derhaka kepadanya kerana nanti tidak mendapat karamah; dan

**Mewajibkan ahli** agar tidak bercampur-gaul dengan masyarakat

## KEPUTUSAN FATWA

Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak (FATWA) Negeri Selangor telah membuat keputusan bahawa ajaran Azhar bin Wahab (Pengasas Al-Mansur Holdings Sdn. Bhd.) adalah haram, kerana didapati ada percanggahan dengan akidah, syariat dan akhlak Islam.



# Ajaran Azhar bin Wahab

(PENGASAS  
AL-MANSUR HOLDINGS SDN. BHD.)

Diterbitkan Oleh:

**JABATAN MUFTI NEGERI SELANGOR**

Aras 7 & 8, Menara Utara, Bangunan Sultan Idris Shah

40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

Tel : 03 - 5514 3738 / 3712 / 3713 / 3715

<http://muftiselangor.gov.my>

## KEDUDUKAN AJARAN AZHAR BIN WAHAB

( PENGASAS AL-MANSUR HOLDINGS SDN. BHD )

### LATAR BELAKANG AZHAR BIN WAHAB

Azhar bin Wahab mendapat pendidikan di Sekolah Menengah Kebangsaan dan tidak menerima pendidikan agama secara formal. Mendapat pendidikan awal di kampungnya di Sekolah Kebangsaan Kuala Sidim, Kulim, Kedah. Kemudian menyambung pelajarannya ke Sekolah Menengah Padang Serai, Kulim, Kedah hingga ke tingkatan tiga sahaja. Selepas memperolehi Sijil Rendah Pelajaran (SRP), Azhar bin Wahab bekerja mengambil upah mengait buah kelapa sawit di Ladang Kelapa Sawit Padang Buloh, Kuala Sidim.

Azhar kemudiannya berhijrah ke Kuala Lumpur dan bekerja sebagai pemandu kepada Pegawai Eksekutif di Ibu Pejabat Bank Simpanan Nasional, Jalan Ampang Kuala Lumpur. Beliau bekerja pula sebagai penjual kereta terpakai selepas berhenti sebagai pemandu. Semasa itulah beliau mengenali Ustaz Hanapi, bekas orang kuat al-Arqam. Beliau mendakwa mengetahui amalan ilmu urut tradisional, ia diamalkan secara bersendirian dan juga kepada ahli al-Arqam. Semasa itulah bermulanya usaha beliau untuk mempengaruhi bekas ahli al-Arqam dan berjaya menubuhkan syarikatnya sendiri hinggalah ke hari ini.

Ia dipanggil 'Ayah' oleh pengikut (kakitangan) dan 'Tok Wan' oleh anak kakitangan tanpa mengira tua atau muda. Selepas itu digelar sebagai 'Tuan', 'Yang Amat Mulia', 'Yang Berhormat Mulia' dan akhir sekali sebagai 'Yang Teramat Mulia Ayahanda Raja'.

Azhar bin Wahab menjadi guru kepada pengikutnya dengan dibantu oleh pengikut-pengikut utamanya seperti Ahmad bin Meh dan Hj. Ilias bin Yusuf. Mereka merupakan perancang utama dalam meneruskan usaha serta cita-cita Azhar melalui pelbagai dakwaan serta mencetuskan segala ketaksuban yang berlaku di kalangan ahli

### KUMPULAN AL-MANSUR HOLDING

Kumpulan al-Mansur Holding muncul selepas al-Arqam di bubarkan. Kebanyakan ahli-ahli al-Mansur terdiri dari al-Arqam.

Perkataann 'al-Mansur' bermaksud membantu atau menolong. Ini bersesuaian dengan konsep penubuhannya iaitu untuk menjadi pemangkin bagi melahirkan

bangsa Melayu peneraju ekonomi dunia dengan berpegang pada prinsip 'Bersatu maju bersama'.

Kumpulan yang diasaskan oleh Azhar bin Wahab pada tahun 1998 ini, menjalankan aktiviti perniagaan dan didaftarkan sebagai sebuah syarikat iaitu 'Al - Mansur Holding Sdn. Bhd.' Nombor pendaftaran syarikat (Co. 523446-U) beralamat di No. 19, Jalan Cempaka 1/1, Bandar Aman Jaya, 08000 sungai Petani, Kedah Darul Aman.

Al-Mansur Holding Sdn. Bhd. mempunyai 30 buah kumpulan anak syarikat di seluruh negara. Hanya beberapa rangkaian sahaja yang aktif manakala bakinya hanya atas nama sahaja untuk mengaburi mata masyarakat atau sebagai pelindung kepada aktiviti-aktiviti utama yang boleh mengumpul dana yang banyak. Antara aktiviti perniagaan yang aktif ialah urutan refleksi dan ubat-ubatan herba tradisional. Di samping itu ia menggunakan pelajar-pelajar Sekolah Tahfiz al-Mansur yang masih di bawah umur untuk menjual kalendar, cenderamata dan seumpamanya serta memungut derma atas nama anak yatim.

### ISU

Isu **Ajaran Azhar bin Wahab** timbul dalam masyarakat apabila kumpulan al-Mansur melaksanakan aktiviti yang didapati bercanggah dengan Islam dan sebagai pengganti kepada gerakan kumpulan al-Arqam yang telah diharamkan.

Dalam pada itu, hasil kajian yang dibuat oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) mendapati ada tanda-tanda bahawa kumpulan ini mengamalkan ajaran 'Aurad Muhammadiyah' pegangan al-Arqam satu ketika dulu di samping beberapa penambahan lain yang boleh membawa kepada kerosakan akidah.

JAKIM telah mengadakan pertemuan khas dengan pihak pengurusan al-Mansur pada 15 November 2002 di Putrajaya. Selain itu, beberapa siri perbincangan telah diadakan bersama bekas-bekas ahli kumpulan al-Mansur di Putrajaya, Selangor dan Kedah

### CIRI-CIRI AJARAN AZHAR BIN WAHAB

#### Dari Segi Akidah

- Mengaku mengamalkan Aurad Muhammadiyah (Pengakuan semasa perjumpaan dengan Ketua Pengarah JAKIM pada 15 November 2002);

- Menggunakan 'Tawassul' iaitu berdoa sebelum melakukan urut refleksi dengan berkata "Ya Allah dengan berkat dan karamah Guruku Tuan Azhar, Sembuhkanlah penyakit si pulan....",
- Mengadakan kuliah tertutup untuk ahli dan kakitangan serta **didampingi** oleh 'Pak Syeikh' atau 'Wali Allah'. Azhar bin Wahab pernah mendakwa **rohnya berada di gunung Jerai bersama wali Songo dan Nabi Khaidir** sedang tubuhnya berada di Damansara .
- **Berbai'ah akan mengikut segala arahan guru** dan merahsiakannya dari orang ramai, sesiapa yang belot atau keluar hidupnya tidak akan selamat ;
- **Memakan ais sebagai satu syarat mendapatkan karamah daripada guru.** Memakan ais ini simbol kepada amalan pertapaan bagi mendapat ilmu perbomohan;
- Mendakwa **mempunyai bala tentera dan kapal terbang ghaib**;
- Mendakwa **mempunyai masjid jin di Gunung Jerai**, disamping mengaku **selalu bermesyuarat dengan golongan jin di gunung-gunung tertentu** seperti Gunung Santubong di Sarawak;
- Mendakwa **ia mengetahui pergerakan orang yang mengintip setiap aktiviti**nya;
- Mendakwa **mempunyai pengawal dari golongan jin**;
- Menangis di hadapan pengikutnya kerana **mendakwa nampak dan tahu kesalahan agama yang pernah dibuat oleh pengikutnya**;
- **Percaya dengan khurafat seperti**:
  - Semasa perarakan untuk melantik beliau sebagai Naib Khalifah Seni Silat mempertahankan diri al-Mansur, seekor gajah telah menarik tangannya. Beliau amat percaya dengan telahan di kalangan ahli perarakan bahawa gajah tersebut meminta beliau menaiki belakangnya kerana **beliau berketurunan 'raja'**
- Tabib dan tabibah diarah menggunakan keris untuk mengubat dan **mempercayai keris tersebut ada penunggu**;